

Jangan abai toma'ninah dalam solat

OLEH ZUARIDA MOHYIN

BIMBINGAN

JIKA anda rukuk dan sujud, jangan sekali-kali terlupa toma'ninah. Jangan jadikan solat anda seperti ayam mematak padi. Solat seperti itu tidak sah kerana tidak ada toma'ninah, sedangkan ia adalah rukun sembahyang sama ada dalam solat fardu ataupun solat sunat.

Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Mushaddad Hasbullah menjelaskan solat tanpa toma'ninah adalah batal. Orang yang tidak menyempukakan rukuk, sujud dan khusyuk dalam solatnya ialah orang yang mencuri solat sebagaimana disebut dalam satu riwayat Ahmad dan Hakim bermaksud: *Itulah orang yang tidak menyempukakan rukuk, sujud dan bacaan dalam solat.*

Katanya lagi, hadis ini menjelaskan mengenai orang-orang yang menunaikan solat mereka tetapi dalam keadaan kelam-kabut dan hilang penghayatan dan khusyuk mereka. Mereka ini disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai pencuri.

Hal ini sekali lagi ditegaskan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *Seburuk-buruk orang yang mencuri ialah mereka yang mencuri daripada solat mereka. Maka sahabat pun bertanya: Wahai Rasulullah bagaimana mereka mencuri daripada solat mereka? Maka Rasulullah menjawab: Mereka yang tidak sempurna rukuk dan sujud mereka (iaitu mengerjakan solat mereka dengan pantas).* (Riwayat Ahrnad, Thabrani dan Ibn Khuzaimah)

Sementara itu, dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Nasaii, Rasulullah s.a.w. melarang solat yang dikerjakan seperti burung yang mematak makanan, iaitu pantas berdiri dan sujud dalam waktu yang singkat. Dalam hadis yang lain pula Baginda bersabda bermaksud: *Allah s.a.w. tidak melihat solat seseorang yang dikerjakan tanpa sempat meluruskan tulang belakangnya antara rukuk dan sujud.* (Riwayat Thabrani)

Lantaran itu, Rasulullah s.a.w. berpesan yang bermak-

sud: *Apabila seseorang daripadamu hendak mendirikan sembahyang, maka hendaklah ia sembahyang laksana sembahyang orang yang memberi selamat tinggal, iaitu orang yang sama sekali tidak fikir ia akan dapat kembali bersembahyang lagi.* (Riwayat Al-Dailami daripada Ummi Salamah)

Mushaddad berkata, ramai di kalangan umat Islam sebenarnya berhadapan dengan masalah tidak khusyuk dalam solat, antara puncanya adalah kerana kesibukan dunia dan sentiasa memikirkan tentangnya walaupun dalam solat.

"Khusyuk amat penting dalam solat. Salah satu daripada rahmat Allah kepada kita ialah Allah meraikan kelemahan yang ada pada hambanya. Justeru, Allah tidak menjadikan khusyuk sebagai rukun atau syarat sah solat yang jika ditinggalkan maka batallah solat itu.

"Oleh itu khusyuk dalam solat menurut jumhur ulama adalah sunat hukumnya. Menurut Imam Ibnu al-Qayyim dalam bukunya, *Madarij as-salikin*, khusyuk bermaksud menghadirkan hati ketika solat dengan rasa tunduk dan hina kepada Allah, apabila hati seseorang itu khusyuk maka seluruh anggotanya akan turut sama khusyuk, kerana setiap anggota mengikuti hati dan khusyuk itu tempatnya di hati.

"Bagaimanapun, bagi orang yang tidak khusyuk dalam solatnya, tidaklah membuatkan solatnya batal. Solatnya tetap sah cuma ia mendapat pahala yang kurang, tidak sepenuhnya seperti orang yang khusyuk," kata Mushaddad ketika dihubungi baru-baru ini.

Menjawab kelebihan yang diperoleh seseorang yang khusyuk dalam solat, Mushaddad menjelaskan, sesungguhnya ganjarannya amat besar seperti dapat menghapuskan dosa, memperoleh pahala, memakbulkan doa dan menjauhkan kemungkaran.

Oleh itu, beliau menyarankan kita sentiasa berusaha memperoleh solat yang khusyuk kepada Allah s.w.t..

Firman Allah yang bermaksud: *Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu daripada al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.* (al-Ankabut: 45)

Dalam satu hadis daripada Uthman bin Affan yang berkata, Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: *Tidaklah bagi seseorang muslim itu yang menunaikan solat fardu dan memperelokkan wuduknya, khusyuknya dan rukuknya melainkan baginya penghapusan dosa sekali lagi mana dia tidak me-*

lakukan dosa besar, dan itu adalah untuk setiap masa. (Riwayat Muslim)

Menjelaskan tentang toma'ninah pula, kata Mushaddad, ia merupakan salah satu rukun dalam solat. Jika ia tidak disempukakan maka batallah solat seseorang itu.

Toma'ninah perlu dilakukan dalam empat rukun solat iaitu dalam rukuk, iktidal daripada rukuk, sujud dan duduk di antara dua sujud.

"Toma'ninah bermaksud tetap atau diam dalam setiap rukun yang disebutkan. Seseorang itu tidak dikira toma'ninah jika dia menunaikan solat seperti burung yang mematak makanan seperti mana yang disebutkan dalam hadis sebentar tadi," terangnya.

Berbicara tentang contoh terbaik mengenai khusyuk dalam solat, ujar Mushaddad, model yang terbaik ialah solat Rasulullah s.a.w.. Dalam satu hadis yang disebut oleh al-Kandahlawi dalam bukunya, *Hayat al-Sahabah*, bahawa seorang hamba Allah telah bertanya kepada Aisyah: "Terangkan kepadaku sesuatu yang luar biasa mengenai solat Rasulullah."

Aisyah menjawab: "Tiada sesuatu yang biasa mengenai diri Baginda. Tiap-tiap yang dilakukannya luar biasa. Pada suatu malam, Baginda baring bersama-samaku, kemudian Baginda berkata: "Sekarang, biarlah aku menyembah Allah, Pemberi rezekiku." Kemudian Baginda pun bangun lalu men-

dirikan solat dengan segala perasaan ikhlas dan tawaduk. Semasa menunaikan solat itu Baginda menangis. Demikian juga keadaannya apabila baginda rukuk dan sujud. Setelah bangun, keadaan baginda masih tidak berubah. Demikianlah halnya sehingga Bilal melauangkan azan menandakan waktu Subuh sudah menjelang tiba. Aku pun berkata kepada Baginda: "Ya Rasulullah, Tuan tidak berdosa kerana Allah telah mengampuni semua dosa Tuan, sama ada yang telah lalu mahupun yang akan datang. Tetapi Tuan masih juga memandang rendah terhadap diri Tuan sendiri." Baginda s.a.w menjawab: "Apakah aku tidak bersyukur kepada Allah?" Aku solat begini mengingatkan ayat-ayat yang telah diwahyukan-Nya kepada Aku pada hari ini yang bermaksud: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka."* (Ali Imran: 190-191)

Petua untuk khusyuk solat

1. Sentiasa menghadirkan hati meyakini kebesaran dan kekuasaan Allah.
2. Menghadirkan hati mengakui tentang kelemahan kita sebagai hamba Allah yang sentiasa memerlukan pertolongan Allah.
3. Menghadirkan hati mengakui segala kemewahan dunia dan kesenangan adalah sementara.
4. Tidak tergesa-gesa dalam menunaikan solat kerana tergesa-gesa boleh membawa kepada luputnya beberapa perkara penting untuk khusyuk.
5. Hendaklah menunaikan solat pada awal waktu dan secara berjemaah.
6. Pakaian yang digunakan dalam solat hendaklah bersih daripada najis. Begitu juga dengan sejadah. Ia hendaklah bersih dan tidak mempunyai gambar-gambar yang boleh mengalakkan solat.
7. Dalam suasana yang aman tanpa suara bising daripada karnak-karnak mahupun menerusi televisyen atau radio.
8. Imam hendaklah seorang yang elok bacaannya kerana bacaan yang

elok membantu menghadirkan hati. Imam itu pula tidak dibenci oleh ahli jemaah.

9. Bersihkan fikiran daripada masalah hidup dan tumpukan sepenuh perhatian kepada Allah.

10. Membuang air kecil dan air besar terlebih dahulu jika berasa perlu berbuat demikian. Ini kerana orang yang solat dalam keadaan menahan buang air kecil dan buang air besar tidak akan memperoleh kekhusyukan.

11. Tidak berada dalam keadaan lapar atau terlalu kenyang kerana orang yang lapar hanya memikirkan untuk makan. Begitu juga dengan orang yang terlalu kenyang berada dalam keadaan tidak selesa dalam setiap pergerakannya.

12. Kesihatan tubuh badan hendaklah dijaga. Badan yang sakit sukar mendatangkan rasa khusyuk dalam solat.

13. Hati hendaklah hadir dalam solat, bukannya melayang tak tentu arah.

14. Memahami makna bacaan dalam solat.



MUSHADDAD HASBULLAH